

Lidah lembu bakar KDE



Selain menyajikan hidangan kombinasi Timur dan Barat, KDE juga memberikan potongan harga sebanyak 50 peratus untuk pengunjung yang lahir pada tahun 1957, sempena Hari Kemerdekaan.

Oleh **FATEN SAPHILLA MOHAMED ISA**
saphilla.isa@kosmo.com

MENGENAKAN tema Bertemu Kembali Dalam Suasana Baru, Restoran Duyong, Kelab Darul Ehsan (KDE), Ampang Jaya, Selangor, tahun ini bukan sahaja menyediakan juadah berbuka puasa dengan sajian tradisi yang menyelerakan malah semua itu dapat dinikmati dalam suasana yang berbeza.

Menyajikan hidangan kombinasi Timur dan Barat, pengunjung Restoran Duyong akan dapat merasai

juadah berbuka puasa dalam suasana yang selesa dan berhawa dingin sambil dilatari kawasan kolam renang kelab.

"Konsep gerai secara langsung dengan sajian tradisi diadakan istimewa untuk Ramadan kali ini. Antara sajian tradisi tersebut ialah rendang daging tok, ayam golek, udang goreng mentega, kambing masala, kambing dan ikan bakar serta yang paling istimewa lidah lembu bakar," kata Chef Eksekutif Restoran Duyong, Mustafa Kamal Ahmad Sarbani.

Tambahnya, terdapat juga hidangan lain seperti sate ayam dan daging, pelbagai pilihan mi seperti mi rebus, mi jawa, mi udang, mi kari dan mi mamak, aneka puding dan kek.

"Restoran Duyong juga menyediakan gerai khas yang menghidangkan sajian untuk kanak-kanak seperti *skewer*, nuget, bebola ikan dan pelbagai lagi.

"Keenakan juadah berbuka juga tidak akan lengkap tanpa hidangan pencuci mulut. Justeru, kami menawarkan pelbagai pilihan pencuci mulut seperti kuih-muih Melayu, bubur kacang, ais krim porong, ais kacang, wafel dan jeli," kata Mustafa.

Tambahnya, Restoran Duyong juga menyediakan hidangan utama yang terdiri daripada beberapa jenis nasi seperti nasi minyak, nasi ayam, nasi hujan panas, nasi tomato dan nasi kerabu. Pengunjung juga dapat menikmati beraneka lauk pauk termasuk siput masak lemak cili padi, sambal tumis udang, ayam golek kuah pedas, paru berlada dan ayam panggang.

HIDANGAN pencuci mulut bakal menarik perhatian pengunjung.



PELBAGAI juadah tradisi Melayu menanti tetamu di Restoran Duyong.

Kelab Darul Ehsan

- Ampang Jaya, Selangor
- Waktu bufet: 6.30 petang hingga 10.30 malam
- Harga: RM58 dewasa
- RM48 warga emas
- RM38 kanak-kanak (5 -12 tahun)
- Tel: 018-201 9535 (Azizah)
- 018-224 1831 (Arifin)